

Bab 2

MEMBANGUN BERASASKAN KEKUATAN NEGARA

10


Lebuhraya PLUS

Malaysia telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang tinggi dalam beberapa dekad lalu yang telah merubah negara daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi kepada sebuah negara berpendapatan sederhana yang makmur. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar berkembang sebanyak 5.8% setahun semenjak tahun 1991 hingga 2010. Kadar pertumbuhan ini telah membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dan menyokong kemajuan yang lebih menyeluruh dalam bidang pendidikan, kesihatan, infrastruktur, perumahan dan kemudahan awam.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), 2006-2010, negara telah menempa kemajuan dalam pencapaian Misi Nasional untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020. Walaupun momentum pertumbuhan telah menjadi perlahan kebelakangan ini berikutan krisis ekonomi dan kewangan global, perbelanjaan awam menerusi dua pakej rangsangan ekonomi serta pelaksanaan dasar kewangan yang menyokong pertumbuhan, telah membantu memulihkan ekonomi negara. Melihat ke hadapan, Malaysia kini berada dalam detik penting pembangunan ekonomi untuk mencarta hala tuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, negara perlu dibina di atas platform kukuh yang dihasilkan pada masa lalu.

Walau bagaimanapun, persekitaran ekonomi global yang berubah dalam pelbagai sudut akan memberi cabaran yang lebih besar untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Ekonomi dunia kini berkembang lebih perlahan manakala persaingan bagi mendapatkan pelaburan, perdagangan dan bakat menjadi lebih sengit. Dalam konteks ini, Malaysia perlu menggandakan usaha untuk menjana pertumbuhan yang diperlukan bagi mencapai sasaran Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015.





MENGIMBAS KEMBALI: PENCAPAIAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

Persekitaran ekonomi global kebelakangan ini telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi dunia dengan ketara, khususnya negara maju terutamanya Amerika Syarikat (AS), United Kingdom, Kesatuan Eropah dan Jepun. Kelembapan ekonomi global seterusnya telah menyebabkan ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.7% pada tahun 2009. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, kesan kekayaan yang negatif berikutan krisis global ke atas permintaan dan perdagangan dunia telah mengakibatkan kemerosotan keluaran perindustrian dan eksport pembuatan.

Pencapaian Ekonomi Makro Dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan

Sungguhpun ekonomi berkembang tinggi sebanyak 5.7% setahun dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan, penguncupan pada tahun 2009 telah menjejaskan pertumbuhan bagi keseluruhan tempoh Rancangan, dengan purata pertumbuhan sebanyak 4.2% setahun, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-1*.

Dalam tempoh RMKe-9, sumbangan produktiviti faktor keseluruhan (TFP) kepada pertumbuhan KDNK telah meningkat kepada 34.7% berbanding 29.0% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), 2001-2005. Sumbangan TFP


yang lebih tinggi telah dihasilkan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta untuk beralih kepada aktiviti ekonomi dengan nilai ditambah lebih tinggi menerusi inovasi, teknologi tinggi dan pembangunan modal insan. Pelaburan yang lebih tinggi dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta latihan dan latihan semula pekerja turut menyumbang kepada peningkatan TFP.

Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dijangka meningkat daripada RM19,079 (AS\$5,038) pada tahun 2005 kepada RM26,420 (AS\$8,256) pada tahun 2010. Dalam tempoh RMKe-9, inflasi dijangka kekal rendah pada kadar purata 2.8% setahun hasil daripada pelaksanaan dasar kewangan yang menyokong dan langkah pentadbiran untuk membendung inflasi meskipun harga minyak dan produk makanan global meningkat tinggi pada tahun 2008.

Dalam tempoh RMKe-9, meskipun kadar pertumbuhan guna tenaga adalah lebih perlahan iaitu 1.6% setahun, namun sebanyak 0.9 juta pekerjaan telah diwujudkan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Dengan peningkatan tenaga kerja sebanyak 1.7% setahun dalam tempoh 2006 hingga 2009, kadar pengangguran meningkat sedikit daripada 3.5% pada tahun 2005 kepada 3.7% pada tahun 2009. Walaupun kadar pengangguran meningkat sedikit, Malaysia

Carta 2-1

KDNK sebenar mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan dalam RMKe-9 berbanding RMKe-8



kekal dalam kedudukan guna tenaga penuh. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 3.6% pada tahun 2010.

Pertumbuhan Diteraju oleh Permintaan Dalam Negeri

Sebahagian besar pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RMKe-9 telah disumbang oleh permintaan dalam negeri. Dalam tempoh tiga tahun pertama, permintaan dalam negeri meningkat 7.7% setahun tetapi dijangka menyederhana dengan ketara kepada 2.5% setahun dalam tempoh 2009-

2010, terutamanya disebabkan penguncupan sebanyak 0.5% pada tahun 2009. Pertumbuhan telah diteraju oleh penggunaan swasta yang berkembang sebanyak 6.5% setahun berikutan harga komoditi yang lebih tinggi, pasaran guna tenaga yang berdaya tahan dan kemudahan pembiayaan kewangan yang lebih baik. Pelarasan gaji sektor awam turut menyumbang kepada penggunaan yang lebih tinggi.


Pelaburan swasta dijangka berkembang lebih sederhana sebanyak 2.0% setahun dalam tempoh Rancangan, berikutan kelembapan permintaan di

dalam dan di luar negara, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-2*. Bagi keseluruhan tempoh Rancangan, jumlah pelaburan swasta pada harga semasa adalah sebanyak RM356.1 bilion. Daripada jumlah ini, kira-kira 72% adalah pelaburan swasta dalam negeri manakala 28% adalah pelaburan langsung asing (FDI). Aliran masuk FDI terus ditunjangi oleh kehadiran banyak syarikat multinasional (MNC) dalam sektor pembuatan serta sektor minyak dan gas. Di samping itu, FDI dalam sektor perkhidmatan turut meningkat, khususnya dalam perkhidmatan kewangan, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar serta komunikasi.

Satu perkembangan penting ialah peningkatan pelaburan bersih ke luar negara oleh syarikat residen Malaysia berjumlah RM181.7 bilion atau 3.5% kepada KDNK bagi tempoh 2000 sehingga 2009. Pengembangan global ini telah membolehkan syarikat Malaysia menerokai pasaran baru dan yang lebih luas, terutamanya di rantau Asia, Afrika dan Timur Tengah. Skop pelaburan turut diperluas daripada hanya tertumpu kepada sektor minyak dan gas serta perladangan kepada sektor pembinaan dan perkhidmatan terutamanya perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, utiliti dan

Carta 2-2


Pelaburan swasta yang rendah diimbangi oleh pelaburan awam yang tinggi



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

perkhidmatan perniagaan. Perkembangan ini merupakan suatu petanda baik kepada syarikat Malaysia untuk mengambil manfaat daripada peluang pertumbuhan di pasaran serantau bagi memacu pertumbuhan ekonomi dalam negeri melalui integrasi serantau yang lebih meluas.

Penyederhanaan pertumbuhan pelaburan swasta sebahagiannya telah diimbangi dengan peningkatan lebih tinggi dalam pelaburan awam sebanyak 6.2% setahun dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan positif pembentukan modal tetap dalam tempoh RMKe-9. Ini sebahagian besarnya berikutan pelaksanaan dua pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM67 bilion serta pelaksanaan projek infrastruktur, pendidikan dan latihan serta kemudahan kesihatan di bawah RMKe-9. Penggunaan awam meningkat 7.4% setahun dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan tetapi berkembang lebih perlahan kepada hanya 1.0% setahun dalam tempoh



2009-2010. Kenaikan dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan adalah berikutan peningkatan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan serta pelarasan gaji sektor awam.

Dalam tempoh Rancangan, kedudukan tahap kecairan dalam ekonomi kekal tinggi dengan kedudukanimbangan sumber berada pada tahap lebih 16.6% kepada PNK. Peratusan tabungan negara kepada PNK adalah pada tahap 36.3%, lebih tinggi berbanding peratusan jumlah pelaburan sebanyak 19.7%. Kedudukan ini membolehkan negara membiayai pelaburan terutamanya daripada sumber dalam negeri.

Prestasi Sektor Luar Negara yang Perlahan

Kemelesetan di negara destinasi eksport utama telah menjejaskan dengan ketara prestasi sektor luar Malaysia. Eksport telah berkembang pada kadar 3.2% setahun. Walau bagaimanapun, eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) yang menyumbang 59.1% daripada jumlah eksport sektor pembuatan, merosot sebanyak 0.1% setahun. Kesan pertumbuhan perlahan eksport pembuatan telah dapat diimbangi berikutan pendapatan lebih baik eksport komoditi, iaitu minyak sawit, minyak mentah dan gas asli cecair ekoran harga yang tinggi. Import meningkat lebih perlahan pada kadar 2.8% setahun berbanding

6.8% dalam RMKe-8, terutamanya disebabkan oleh import barangan pengantara dan barangan modal yang lebih rendah, yang menyumbang sekitar 85% daripada jumlah import.


Secara amnya, dalam tempoh Rancangan corak komposisi dan aliran perdagangan tidak menunjukkan sebarang perubahan dalam tempoh RMKe-9. Sektor pembuatan terutamanya E&E terus mendominasi pasaran eksport manakala bagi import kebanyakannya adalah barangan pengantara. Dari sudut aliran perdagangan, ekonomi Asia baru muncul terutamanya China, telah berkembang sebagai destinasi eksport yang penting, manakala AS, negara-negara

utama Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dan Singapura terus menjadi rakan dagangan utama.

Kedudukan sektor luar negara kekal kukuh meskipun berlakunya kejatuhan mendadak permintaan luar negara, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-3*. Akaun semasa imbalan pembayaran terus mencatatkan lebih sebanyak 14.6% kepada PNK pada tahun 2010 berbanding 15.8% pada tahun 2005. Ia disumbangkan oleh lebih dagangan yang besar serta pertambahan tinggi terimaan pelancongan. Akaun pendapatan juga bertambah baik dengan defisit lebih kecil kepada RM19.9 bilion pada tahun 2010, berikutan aliran

Carta 2-3

Imbalan Pembayaran, 2000-2010



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

masuk keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negara.

Prestasi Mengikut Sektor Diteraju Sektor Perkhidmatan


Bagi prestasi mengikut sektor, semua sektor kecuali perlombongan dan kuari mencatatkan pertumbuhan positif, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-4*. Sektor perkhidmatan merupakan sumber utama pertumbuhan, berkembang pada kadar 6.8% setahun dalam tempoh Rancangan dan sumbangannya kepada KDNK meningkat kepada 58.0% pada tahun 2010. Pertumbuhan

sektor perkhidmatan telah didorong oleh prestasi kukuh subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran, serta pengangkutan dan komunikasi.

Sektor pembuatan yang banyak bergantung kepada permintaan global telah terjejas teruk akibat kemelesetan ekonomi dunia, dijangka berkembang sebanyak 1.3% setahun berbanding 6.1% dalam tempoh RMKe-8. Pertumbuhan menjadi lemah secara ketara daripada 6.7% pada tahun 2006 kepada penguncupan sebanyak 9.4% pada tahun 2009. Penguncupan ini disebabkan oleh kemerosotan mendadak permintaan produk

Carta 2-4

Pencapaian mengikut sektor di bawah RMKe-8 dan RMKe-9



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

berorientasikan eksport terutama keluaran E&E. Justeru, sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK dijangka berkurang daripada 30.9% pada tahun 2006 kepada 26.7% pada tahun 2010, iaitu yang terendah sejak awal 1990an.

Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 3.0% setahun berbanding 3.2% setahun dalam tempoh RMKe-8. Pertumbuhan yang perlahan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran getah dan kayu balak berikutan pengurangan keluasan tanaman getah dan pengawalan aktiviti pembalakan bagi pengurusan hutan yang mampan. Walau bagaimanapun, peningkatan pengeluaran kelapa sawit, ternakan dan perikanan telah menyokong pertumbuhan dalam sektor pertanian.

Sektor pembinaan yang mendapat manfaat daripada dua pakej rangsangan fiskal terutamanya dalam aktiviti berkaitan pembinaan, dijangka berkembang sebanyak 4.4% setahun. Pertumbuhan ini disumbang terutamanya oleh peningkatan aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam, kediaman dan bukan kediaman serta kerja pertukangan khas.

Sektor perlombongan dijangka menguncup 0.5% setahun dalam tempoh Rancangan, berikutan keluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah. Purata pengeluaran minyak mentah

adalah sebanyak 667,800 tong sehari dan gas asli sebanyak 5,797 juta kaki padu standard sehari (mmscfd) iaitu selaras dengan Dasar Susutan Negara.

Cabaran Pengukuhan Fiskal

Dalam tempoh tiga tahun pertama RMKe-9, hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 14.6% setahun. Peningkatan ini disumbang terutamanya oleh kutipan cukai pendapatan korporat dan individu yang lebih tinggi berikutan prestasi ekonomi yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, kelembapan ekonomi pada tahun 2009 telah memberi kesan kepada kutipan hasil yang dijangka menokok hanya 0.3% setahun dalam tempoh 2009-2010. Sehubungan itu, dalam tempoh Rancangan, hasil Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat sebanyak 8.6% setahun dengan hasil berkaitan minyak menyumbang kira-kira 40% daripada jumlah hasil pada tahun 2010. Perbelanjaan mengurus telah meningkat pada kadar 16.2% setahun dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan, berikutan peningkatan ketara subsidi minyak dan makanan serta emolument






ekoran pelarasan gaji penjawat awam. Pelaksanaan dua pakej rangsangan sebagai langkah kitaran balas pada tahun 2009 dan 2010 turut menyumbang kepada perbelanjaan yang lebih tinggi.

Usaha bagi mengukuhkan kedudukan fiskal yang dilaksana sejak tahun 2000 telah menambah baik kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan. Defisit keseluruhan telah mengecil daripada paras tertinggi 5.5% kepada KDNK pada tahun 2000 kepada 3.2% pada tahun 2007, seperti ditunjukkan dalam Carta 2-5. Walau bagaimanapun, defisit fiskal melebar kepada 4.8% pada tahun 2008 dan 7.0% pada tahun 2009.

Kerajaan adalah komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada tahap yang mampan dan memastikan akaun semasa Kerajaan sentiasa berada dalam lebihan. Oleh itu, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan disasarkan mengecil kepada 5.3% kepada KDNK pada 2010. Justeru, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM405.1 bilion atau 52.9% kepada KDNK, yang

Carta 2-5

Akaun Kerajaan Persekutuan, 2000-2010



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan Malaysia

mana kira-kira 96% daripada jumlah hutang adalah dibiayai melalui sumber dalam negeri.

Kemajuan Di Bawah Misi Nasional

Di bawah RMKe-9, negara telah memulakan Misi Nasional sebagai satu fasa baru pembangunan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Misi Nasional menyediakan rangka kerja dasar dan pelaksanaan bagi mencapai prestasi dan impak yang lebih tinggi daripada inisiatif pembangunan negara. Bagi tujuan ini, RMKe-9 memberi tumpuan kepada lima teras utama Misi Nasional:

- Teras 1 : Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi;
- Teras 2 : Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama';
- Teras 3 : Menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif;
- Teras 4 : Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup; dan
- Teras 5 : Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Bahagian yang berikut menunjukkan status pencapaian dalam lima teras Misi Nasional. Senarai pencapaian yang lebih komprehensif seperti ditunjukkan dalam *Lampiran 2*.

Teras 1 : Meningkatkan Ekonomi Dalam Rantaian Nilai Lebih Tinggi

Bagi meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk membangunkan modal insan, menambah baik infrastruktur ICT dan membangunkan rangkaian infrastruktur. Di samping itu, rangka kerja institusi dan kawal selia telah diperkukuh bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta.

Dalam tempoh Rancangan, asas perindustrian telah semakin khusus dan meluas dengan pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru seperti tenaga diperbaharui, produk elektronik bernilai tinggi, jentera dan kelengkapan serta perkakasan perubatan. Negara telah menarik pelaburan dalam pengeluaran *solar photovoltaic* bernilai RM9.8 bilion atau kira-kira 20% daripada pelaburan dalam industri E&E. Nisbah jumlah pelaburan bagi setiap pekerja dalam sektor pembuatan telah meningkat hampir sekali ganda daripada RM270,160 pada tahun 2005 kepada RM507,340 pada tahun 2009. Peningkatan ini mencerminkan tren ke arah projek yang lebih berintensif modal, mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan teknologi tinggi.

Dalam bidang bioteknologi, 349 syarikat biotek, terutamanya dalam sektor pertanian, industri dan penjagaan kesihatan telah melabur sebanyak RM4.5 bilion (RM1.9 bilion daripada sektor swasta dan RM2.6 bilion daripada sektor awam) dalam tempoh 2005-2009. Pelaburan ini meliputi aktiviti termasuk sains genome, sel stem, biodiesel dan perkakasan perubatan. Kemajuan juga dicapai dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh syarikat biotek dengan 650 paten diluluskan untuk penyelidikan berkaitan biotek di Malaysia.

Infrastruktur jalur lebar telah diperluas dengan ketara, dengan kadar penembusan isi rumah telah meningkat daripada 2% pada tahun 2005 kepada 32% pada tahun 2009. Infrastruktur jalur lebar telah ditingkatkan bagi memudahkan pertumbuhan dalam sektor berintensifkan pengetahuan. Di samping itu, perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi telah diperluas kepada kira-kira 750,000 premis, manakala jumlah liputan WiFi meningkat kepada 5,000 *hotspot*. Perkembangan ini berikutan permintaan bagi jalur lebar yang semakin tinggi, peningkatan perisian tempatan dan penggunaan serta perluasan aplikasi *e-Government*.

Pengembang kapasiti dan penambahbaikan yang ketara telah dicapai bagi rangkaian pengangkutan. Dalam tempoh Rancangan, sepanjang 45,200 kilometer jalan telah dibina atau dinaik taraf, termasuk 4,045 kilometer di Sabah

dan 13,060 kilometer di Sarawak. Beberapa lebuhraya baru telah dibina bagi mengurangkan masa perjalanan termasuk Lebuhraya Senai-Desaru dan Lebuhraya Kemuning-Shah Alam. Beberapa projek rel telah siap dibina bagi meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan. Ini termasuk satu projek utama yang telah siap dibina pada tahun 2007, iaitu projek landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh yang telah dapat memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh daripada lima kepada dua jam. Di samping itu, kerja menaik taraf beberapa pelabuhan telah meningkatkan jumlah kendalian kontena daripada 12 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) pada tahun 2006 kepada 20 juta TEU pada tahun 2009. Begitu juga, pembesaran beberapa lapangan terbang telah meningkatkan kecekapan pengurusan lapangan terbang dan menambah jumlah penumpang yang dikendalikan daripada 41 juta pada tahun 2006 kepada 51 juta pada tahun 2009.

Penyediaan bekalan tenaga yang andal dan berkualiti pada kadar yang kompetitif telah membantu mengekang kenaikan kos menjalankan perniagaan. Penambahbaikan sistem bekalan gas dan pengagihan elektrik serta rangkaian penghantaran telah membantu usaha memperbaiki lagi kualiti bekalan. Langkah memperuntukkan semula sebanyak 100 mmscfd bekalan gas daripada sektor elektrik kepada sektor industri telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian.

Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) telah dimansuhkan dan syarat ekuiti yang dikenakan ke atas sektor bukan strategik dihapuskan. Langkah ini telah diambil untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing dan pelaburan domestik. Kerajaan juga telah meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dengan tidak mengenakan syarat ekuiti. Langkah liberalisasi kepada sektor kewangan konvensional dan Islam juga telah diperkenal. Pelbagai langkah juga telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan seterusnya menambah baik iklim perniagaan. Ini termasuklah penyeragaman pengeluaran lesen perniagaan, pengurangan masa bagi urusan pendaftaran perniagaan dan pemilikan hartanah.

Teras 2 : Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan Dan Inovasi Negara Serta Memupuk 'Minda Kelas Pertama'

Dalam tempoh Rancangan, akses yang lebih baik kepada pendidikan yang mampu dibayar dan berkualiti serta latihan dalam semua peringkat telah disediakan dan hasilnya, kadar enrolmen serta kadar penyertaan telah meningkat. Jurang pencapaian antara sekolah di luar bandar dan bandar telah dirapatkan dengan penyediaan kemudahan asas serta kemudahan pendidikan dan latihan. Produktiviti pekerja juga meningkat

selaras dengan usaha meluaskan program pembelajaran sepanjang hayat yang mana pekerja, terutamanya dalam enterpris kecil dan sederhana (EKS) telah dilatih dan dilatih semula bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Akses kepada pendidikan berkualiti di peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah telah bertambah baik hasil daripada peningkatan enrolmen di semua peringkat pendidikan. Di peringkat pra-sekolah, kadar penyertaan bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 5 tahun telah meningkat daripada 63.0% pada tahun 2005 kepada 67.6% pada tahun 2009. Ini adalah berikutan penambahan bilangan kelas dalam peringkat pra-sekolah. Bilangan sekolah rendah telah meningkat daripada 7,601 pada tahun 2005 kepada 7,664 pada tahun 2009 manakala bilangan sekolah menengah meningkat daripada 2,028 kepada 2,219. Langkah juga diambil bagi meningkatkan kualiti guru. Peratusan guru berijazah di sekolah rendah meningkat daripada 6% pada tahun 2005 kepada 28% pada tahun 2009. Begitu juga, peratusan guru berijazah di sekolah menengah meningkat daripada 82% kepada 89%.

Enrolmen dalam pengajian tinggi meningkat daripada 649,000 pada tahun 2005 kepada 949,000 pada tahun 2009. Oleh itu, kadar penyertaan dalam kumpulan umur 17 - 23 tahun meningkat daripada 27.0% pada tahun

2005 kepada 31.4% pada tahun 2009. Dalam tempoh Rancangan, seramai 4,156 pensyarah di universiti awam telah melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. Usaha ini menyumbang kepada peratusan pensyarah berkelulusan PhD dalam universiti awam meningkat daripada 26.6% pada tahun 2005 kepada 35.9% pada tahun 2009. *Accelerated Programme for Excellence (APEX)* telah diperkenalkan yang mana Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjadi universiti APEX yang pertama. Program ini bertujuan meningkatkan prestasi dan daya saing universiti awam. Untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi, empat universiti telah diberi status Universiti Penyelidikan. Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) telah diperkenalkan pada tahun 2007 bagi meningkatkan kualiti dan menggalakkan amalan terbaik di kalangan universiti awam.

Pengambilan dalam institusi latihan teknikal dan vokasional awam meningkat sebanyak 1.5% setahun. Pengambilan pelatih meningkat kepada 88,050 orang berikutan pembinaan 10 buah institusi latihan kemahiran dan naik taraf 16 buah lagi institusi sedia ada. Pengambilan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi tahap 4 atau diploma dalam pusat latihan lanjutan awam meningkat daripada 7,110 pada tahun 2005 kepada 29,840 pada tahun 2009 yang

menggambarkan tumpuan ke arah meningkatkan kemahiran bagi memenuhi kehendak industri. Sistem Latihan Dual Kebangsaan (NDTS) dan skim perantis telah dipertingkatkan melalui kerjasama lebih rapat dengan industri. Sejumlah 20,460 pelatih telah diberi latihan di bawah NDTS dan sebanyak 90% daripada pelatih telah mendapat pekerjaan sebaik sahaja tamat latihan. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan telah diwartakan pada tahun 2006 untuk membolehkan penguatkuasaan prosedur akreditasi. Berikutan ini, akreditasi yang diberi kepada 42 institusi telah dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat akreditasi.

Di bawah dua pakej rangsangan ekonomi, seramai 76,940 orang graduan yang menganggur, lepasan sekolah dan pekerja yang diberhenti telah diberi latihan. Program pembelajaran sepanjang hayat telah dipertingkatkan melalui perluasan pembelajaran jarak jauh, e-pembelajaran, latihan semula dan peningkatan kemahiran yang ditawarkan oleh pelbagai institusi. Di peringkat tempatan, kolej komuniti telah memainkan peranan besar dalam melaksanakan program latihan semula dan peningkatan kemahiran yang telah memberi manfaat kepada 507,940 peserta.

Teras 3 : Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi yang Berterusan Secara Membina dan Produktif

RMKe-9 mencatatkan kemajuan dalam pembasmian kemiskinan, mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan dan kekayaan. Terdapat juga kemajuan dalam pengukuhan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Insiden kemiskinan tegar telah berkurang daripada 1.2% pada tahun 2004 kepada 0.7% pada tahun 2009. Insiden kemiskinan juga telah berkurang daripada 5.7% kepada 3.8% dalam tempoh yang sama. Pengurangan ini adalah hasil daripada pelaksanaan program pembasmian kemiskinan untuk golongan sasar di kawasan luar bandar dan bandar.

Pemilikan syer modal Bumiputera dalam syarikat berhad meningkat daripada 19.4% pada tahun 2006 kepada 21.9% pada tahun 2008. Pemilikan bangunan dan premis komersil oleh Bumiputera turut meningkat daripada 11.7% pada tahun 2005 kepada 14.0% pada tahun 2008. Peratusan Bumiputera dalam pekerjaan di peringkat pengurusan kanan telah bertambah daripada 37.1% pada tahun 2005 kepada

43.0% pada tahun 2008. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

Lima koridor pertumbuhan wilayah telah ditubuhkan dan ditadbir oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor (PBK) untuk menggalakkan pembangunan di wilayah-wilayah berkenaan. Jumlah pelaburan yang diterima oleh koridor adalah sebanyak RM245 bilion. Daripada 196 projek yang diluluskan, sebanyak 86% atau 173 projek telah memulakan operasi.

Teras 4 : Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup

Kualiti hidup rakyat Malaysia telah ditingkatkan melalui akses yang lebih baik terhadap penjagaan kesihatan, pengangkutan awam, elektrik dan air. Langkah juga diambil untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Pembangunan ekonomi adalah berdasarkan prinsip pembangunan mampan untuk memastikan bahawa persekitaran dan sumber alam semulajadi terpelihara agar pertumbuhan yang diperolehi tidak mengakibatkan kos yang perlu ditanggung oleh generasi akan datang.

Akses kepada penjagaan kesihatan telah dipertingkatkan dengan pembinaan 39 klinik kesihatan baru di kawasan bandar dan 81 klinik baru di kawasan luar bandar. Sebagai langkah untuk menangani keperluan yang semakin meningkat mengenai penjagaan kesihatan dalam kalangan golongan miskin bandar, 51 klinik 1Malaysia telah didirikan di kawasan bandar. Memandangkan kualiti penjagaan kesihatan juga bergantung kepada modal insan, langkah untuk mengurangkan jurang pengagihan, meningkatkan keupayaan latihan serta pakej ganjaran pekerja yang lebih baik telah menyumbang kepada peningkatan bilangan doktor daripada 21,700 kepada 28,000 dan bilangan jururawat daripada 70,200 kepada 79,800. Lantaran itu, nisbah doktor-pesakit dan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan telah bertambah baik.

Jumlah penumpang harian bagi rel bandar telah meningkat daripada 447,200 pada tahun 2006 kepada 451,000 pada tahun 2009, berikutan penambahbaikan liputan dan kemudahan pengangkutan awam bandar. Langkah yang diambil untuk meningkatkan kecekapan dan keandalan perkhidmatan bandar, termasuklah penyambungan perkhidmatan rel komuter ke Tanjung Malim, perolehan 35 set keretapi 4 gerabak untuk perkhidmatan transit aliran ringan (LRT), pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik

Selatan dan landasan kereta api berkembar elektrik dari Sentul ke Batu Caves, telah siap dibina. Beberapa jalan bandar telah dibina dan dinaik taraf bagi mengurangkan kesesakan dan menambah baik aliran trafik di beberapa bandar utama. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah ditubuhkan pada bulan Jun 2010 bagi memperbaiki perancangan bersepadu jangka panjang untuk sistem pengangkutan awam darat yang selamat, andal dan mampu digunakan. SPAD juga akan terlibat dalam mengawal selia perundangan serta penguatkuasaan piawai perkhidmatan dalam semua mod pengangkutan awam darat.

Dasar Perubahan Iklim Negara dan Dasar Teknologi Hijau Negara telah dilaksanakan pada tahun 2009 untuk menangani isu perubahan cuaca yang membimbangkan.

Melalui dasar ini, Malaysia berhasrat untuk melaksanakan beberapa strategi ke arah sebuah ekonomi berkarbon rendah dan mencapai pembangunan mampan. Di samping itu, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau berjumlah RM1.5 bilion telah ditubuhkan sebagai usaha untuk menggalakkan teknologi hijau. Dua inisiatif utama telah dilancarkan untuk memastikan penggunaan hutan dan sumber alam semulajadi yang lestari: projek *Central Forest Spine* meliputi 4.3 juta hektar di Semenanjung Malaysia dan projek *Heart of Borneo* meliputi 6.0 juta hektar di Sabah

dan Sarawak. Program tebatan banjir di kawasan bandar, umpamanya terowong SMART dan Sungai Damansara Pakej 1 telah menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut.

Dasar Wanita Negara telah membantu meningkatkan penyertaan wanita dalam kumpulan pengurusan di sektor awam daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 30.5% pada tahun 2010, manakala bagi sektor swasta meningkat daripada 13.5% kepada 26.2%. Program kepimpinan Nur Bestari yang diperkenalkan pada tahun 2007 telah memberi faedah kepada lebih 147,000 wanita. Selain itu, program latihan kemahiran Jejari Bestari yang dilancarkan pada 2007 bertujuan memberi latihan industri kotej seperti jahitan manik dan jahitan, telah melatih lebih daripada 23,000 wanita. Seminar mengenai keganasan terhadap wanita telah dilaksanakan di 222 kawasan parlimen dan melibatkan lebih 61,000 peserta.

Sejumlah 436 pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar telah diwujudkan di tempat kerja.

Di samping itu, 534 penyedia penjagaan kanak-kanak telah diberi latihan bagi mempertingkatkan keupayaan pengurusan pusat penjagaan kanak-kanak. Dasar Nasional dan Pelan Tindakan bagi Warga Emas telah disemak semula bagi membolehkan warga emas mengenal pasti potensi mereka dan menggunakan sepenuhnya

peluang yang ada. Pelbagai kemudahan dan keistimewaan telah disediakan kepada warga emas, antaranya kaunter dan tempat duduk khas di agensi Kerajaan. Institusi sedia ada bagi warga emas telah dinaik taraf untuk menyediakan penjagaan dan perkhidmatan yang lebih baik. Sejumlah 22 pusat penjagaan harian telah ditubuhkan untuk menjaga 16,300 warga emas.

Seramai 17,400 Orang Kurang Upaya (OKU) telah mendapat faedah daripada 409 pusat pemulihan dalam komuniti. Pusat-pusat ini menyediakan perkhidmatan seperti tapisan dan pengesanan kecacatan, latihan vokasional dan penyebaran maklumat mengenai ketidakupayaan. Dasar dan pelan tindakan OKU telah digubal pada tahun 2007 dengan matlamat untuk menyerapkan OKU ke dalam arus perdana masyarakat. Peluang pekerjaan bagi OKU juga dipertingkatkan melalui pelbagai dasar dalam sektor awam. Seramai 7,975 OKU telah mendapat pekerjaan dalam sektor swasta melalui sistem pasaran buruh elektronik.

Sebanyak 963 program yang dijalankan bagi mempromosi seni dan kebudayaan telah berjaya menarik seramai 1.5 juta penonton. Kuala Lumpur telah dipromosi sebagai hab aktiviti kesenian budaya dengan disokong oleh pelbagai persembahan tempatan dan antarabangsa termasuk pameran seni dan festival filem

dan muzik. Program Seni untuk Semua yang termasuk persembahan kebudayaan, pameran dan pertandingan telah menyumbang kepada peningkatan minat dan penghayatan terhadap seni dan budaya.

Melaka dan Georgetown telah diiktiraf sebagai Bandar Warisan Dunia oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*. UNESCO juga telah mengiktiraf Batu Bersurat Terengganu sebagai Memori Dunia. Sebanyak 148 bangunan warisan telah dipelihara dalam tempoh Rancangan. Usaha ini menjadi pemangkin bagi menarik kemasukan pelancong ke negara ini.

Program yang telah dilaksanakan untuk melengkapkan belia dengan kemahiran dan nilai yang perlu seperti Program Kemahiran, Kepimpinan dan Keusahawanan, telah menyediakan latihan kepada 124,880 peserta. Program khusus juga telah diperkenal untuk menggalakkan perpaduan nasional dan integrasi sosial dalam kalangan belia. Sejumlah 2,400 program yang melibatkan penyertaan lebih setengah juta belia pelbagai etnik telah dilaksanakan. Program Pembangunan Belia yang menggalakkan penyertaan belia dalam pertubuhan-pertubuhan belia telah mencatatkan 1.9 juta ahli berdaftar.

Pelan Induk Sukan Untuk Semua telah dirangka untuk menggalakkan penyertaan dalam sukan, aktiviti rekreasi dan kecergasan bagi memupuk gaya hidup sihat. Beberapa kelab sukan komuniti telah diwujudkan di peringkat negeri dan kawasan parlimen. Sebanyak 1,282 gelanggang sukan pelbagai guna dan padang telah dibina untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat di kalangan rakyat. Program kejurulatihan untuk 21,200 jurulatih dan fasilitator telah dijalankan bagi mempertingkatkan mutu sukan negara. Selain itu, peruntukan juga disalurkan kepada sukan berprestasi tinggi untuk melahirkan atlit bertaraf dunia.

Pengambilan seramai 19,270 anggota polis pada tahun 2006 hingga 2009, telah membantu meningkatkan tahap keselamatan awam dan menjamin persekitaran yang selamat. Sebanyak 162 balai polis baru telah dibangunkan di premis swasta dan balai polis bergerak di lokasi yang sering berlaku jenayah, terutamanya di Pulau Pinang, Johor, Selangor dan Kuala Lumpur. Rakyat juga digalakkan untuk turut serta memerangi jenayah melalui Program Rakan Cop, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Rukun Tetangga. Sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), lebih banyak tumpuan diberi kepada keselamatan awam dan pengurangan kadar jenayah.

Teras 5 : Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan

Kedudukan Malaysia dalam IMD World Competitiveness telah meningkat dengan mendadak daripada kedudukan ke-24 pada tahun 2006 kepada kedudukan ke-10 pada tahun 2010. Ini merupakan hasil daripada pelbagai inisiatif di bawah Pasukan Petugas Khas Pemudah

Cara Perniagaan (PEMUDAH) serta langkah inovatif untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan dan menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Beberapa usaha telah diambil untuk meningkatkan perkhidmatan di peringkat daerah dan kerajaan tempatan, menyepadukan perkhidmatan dalam kalangan agensi dan meningkatkan tahap keyakinan awam terhadap perkhidmatan elektronik melalui penggunaan ICT. Kos untuk menjalankan perniagaan telah dikurangkan melalui pelarasan proses dan prosedur serta penubuhan mahkamah perdagangan. Pusat sehenti telah ditubuhkan untuk menyegerakan

kelulusan cadangan pembangunan. Prosedur imigresen telah diselaras bagi membantu pengambilan ekspatriat berkemahiran tinggi dan mengurangkan masa pemprosesan visa pekerjaan. Tempoh kelulusan pelbagai lesen juga telah dikurangkan dan kemudahan ICT digunakan secara meluas dalam perkhidmatan kerajaan melalui portal *myGovernment*.

Kerajaan telah mewujudkan NKRA dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri untuk beralih kepada pendekatan berasaskan *outcome* dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program sektor awam. KPI Menteri seterusnya akan diterjemah dalam KPI penjawat awam. Bagi memastikan KPI ini dicapai dengan berkesan, satu set kebolehan yang berlainan perlu disediakan. Sehubungan ini, struktur hibrid baru telah diwujudkan dalam Kerajaan untuk memanfaatkan amalan terbaik daripada sektor awam dan swasta, seperti Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

PROSPEK DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015


Ekonomi Malaysia telah kembali pulih daripada kelembapan global yang baru berlalu. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang dengan perlahan dalam dekad lalu berbanding pencapaian sebelumnya. Bagi mencapai dan mengekalkan pertumbuhan sebanyak 6% setahun yang diperlukan untuk memperoleh status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, perubahan ketara dalam strategi ekonomi adalah penting. Satu transformasi ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti adalah diperlukan, yang mana sektor swasta akan menjadi peneraju utama pertumbuhan dan inovasi.

Usaha untuk mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi adalah amat mencabar dalam persekitaran dunia yang tidak menentu. Malaysia juga perlu menghadapi persaingan yang sengit bagi menarik pelaburan, pasaran dan bakat. Dengan ini, Malaysia perlu meletakkan kedudukannya secara strategik untuk bersaing dalam persekitaran baru global yang dinamik. Di samping itu, kedudukan bajet negara membataskan fleksibiliti Kerajaan untuk memacu

pertumbuhan dan dengan demikian, aktiviti sektor swasta perlu ditingkatkan dengan ketara.

Menghadapi Ekonomi Global yang Mencabar

Ekonomi global sedang beransur pulih. Meskipun begitu, kesan pasca krisis berkemungkinan memberi kesan negatif kepada trajektori pertumbuhan negara-negara maju, iaitu pertumbuhan purata jangka pendek dan sederhana dijangka lebih rendah berbanding dekad sebelum krisis. Negara membangun dan ekonomi baru muncul, terutamanya Asia, dijangka memacu pemulihan dan meneraju pertumbuhan ekonomi global, didorong oleh prestasi kukuh negara China dan India. Selaras dengan itu, pertumbuhan ekonomi global dijangka berkembang sebanyak 4.5% setahun dalam tempoh 2011-2015, berasaskan pertumbuhan lebih kukuh pada kadar 6.6% setahun bagi negara membangun dan ekonomi baru muncul. Ekonomi negara maju dijangka berkembang lebih rendah pada kadar 2.4% setahun, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-1*.



Jadual 2-1 Prospek Ekonomi Dunia, 2006-2015

<i>Perkara</i>	<i>Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)</i>	
	<i>2006-2010</i>	<i>2011-2015</i>
Pengeluaran Dunia	3.4	4.5
Negara Maju	1.1	2.4
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	6.2	6.6
Jumlah Perdagangan Dunia	2.8	6.7
Import		
Negara Maju	1.0	5.2
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	6.4	9.0
Eksport		
Negara Maju	2.1	5.3
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	4.6	8.8
Harga Dunia		
Pembuatan	3.2	1.4
Komoditi Utama Bukan Bahan Api	7.0	-1.2
Minyak setong (AS\$) *	81.6	90.0
<i>Pertumbuhan (%)</i>	5.0	2.6
Harga Pengguna		
Negara Maju	1.9	1.8
Negara Membangun dan Ekonomi Baru Muncul	6.5	4.1

Nota: * Harga minyak mentah *West Texas Intermediate*

SUMBER: *World Economic Outlook*, April 2010, Tabung Kewangan Antarabangsa

Mentransformasikan Ekonomi Malaysia

Momentum pertumbuhan ekonomi yang perlahan dalam tempoh RMKe-9, menunjukkan bahawa punca pertumbuhan pada masa lalu tidak boleh lagi menjadi peneraju utama kepada pertumbuhan yang tinggi. Trajektori pertumbuhan yang perlahan ini, ditambah pula dengan persekitaran luar

yang mencabar dan tidak menentu, bermakna pertumbuhan ekonomi akan berada di bawah tren pertumbuhan jangka panjang sekiranya tiada perubahan serius dilaksanakan untuk mentransformasikan ekonomi. Dengan itu, Malaysia perlu meningkatkan daya saing dan produktiviti ekonomi dalam negeri.

Keutamaan kini ialah untuk memastikan pemulihan ini terus mampan. Dalam jangka

sederhana dan panjang, tumpuan adalah untuk beralih kepada ekonomi nilai ditambah tinggi dan negara berpendapatan tinggi. Ke arah ini, struktur ekonomi perlu ditransformasi untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih baik bagi menghadapi cabaran baru, di samping merebut peluang di peringkat global.


Ekonomi Malaysia yang terbuka dan amat bergantung kepada perdagangan luar, terutamanya dengan negara maju, menyebabkan negara sangat mudah terjejas kepada kejutan luaran. Lantaran itu, strategi utama adalah untuk menggalakkan permintaan dalam negeri sebagai pemacu utama

pertumbuhan dengan menggiatkan lagi sektor swasta. Sehubungan ini, negara perlu mewujudkan persekitaran yang menyokong bagi menggalakkan produktiviti, daya saing dan inovasi.

Berdasarkan pelaksanaan teras dasar tersebut, sasaran pertumbuhan 6.0% setahun dalam tempoh RMKe-10 akan disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya daripada pelaburan swasta yang lebih dinamik. Oleh itu, PNK per kapita dijangka meningkat kepada RM38,845 (AS\$12,139) pada tahun 2015, seperti ditunjukkan dalam Carta 2-6, selaras dengan sasaran untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Carta 2-6

KDNK sebenar dan PNK per kapita ke arah ekonomi berpendapatan tinggi



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengekalkan Tahap Guna Tenaga Penuh


Dalam tempoh Rancangan, guna tenaga dijangka berkembang sebanyak 2.4% setahun kepada 13.2 juta pekerja, iaitu peningkatan sebanyak 1.4 juta pekerjaan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi berbanding 0.9 juta pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-9. Justeru, ekonomi dijangka kekal dalam guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran dianggar 3.1% pada tahun 2015.

Mendorong Pertumbuhan Diteraju Produktiviti

Pertumbuhan dalam tempoh RMKe-10 akan dipacu oleh peningkatan produktiviti yang lebih tinggi berbanding penggunaan faktor modal dan buruh. Peningkatan produktiviti juga disumbang oleh pulangan kecekapan yang diperoleh berikutan penghapusan herotan dalam ekonomi. Pertumbuhan produktiviti akan dicapai melalui tahap input modal insan yang lebih tinggi, mengguna pakai teknologi baru dan pembangunan keusahawanan bagi mendorong

Carta 2-7

Produktiviti Faktor Keseluruhan dijangka meningkat



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi

inovasi dan kreativiti. Sehubungan ini, sumbangan TFP kepada pertumbuhan KDNK dijangka meningkat kepada 38.5%, manakala sumbangan modal dijangka berkurangan kepada 37.5% dan buruh kepada 24.0%, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-7*. Malaysia akan mendapat faedah daripada pelaburan yang lebih tinggi dalam bidang pertumbuhan bitara, terutamanya melalui penggunaan pengetahuan, inovasi dan teknologi secara intensif. Pembangunan modal insan akan ditumpu kepada usaha untuk melahirkan bakat melalui peningkatan kemahiran dan kecekapan sumber manusia.


Merencanakan Dinamisme Sektor Swasta

Kerajaan akan terus mengambil manfaat atas kerancangan pengembangan sektor swasta, terutamanya dalam meneraju pembangunan bidang pertumbuhan baru. Dalam tempoh Rancangan, pelaburan swasta dijangka berkembang pada kadar 12.8% setahun, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-8*, dengan jumlah pelaburan mengikut harga semasa sebanyak RM115 bilion setahun. FDI merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ini.

Carta 2-8

Pertumbuhan pelaburan dan penggunaan swasta yang lebih pantas berbanding tempoh RMKe-9

Pertumbuhan tahunan, (%)



¹ Pelaburan swasta menguncup sebanyak 17.2% pada 2009
 SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan swasta akan menyumbang 13.9% kepada KDNK pada tahun 2015.

Walaupun dasar fiskal dan kewangan akan terus menyokong inisiatif swasta, penambahbaikan dalam persekitaran perniagaan kepada pelaburan swasta akan diberi keutamaan, termasuk langkah untuk meliberalisasi lagi ekonomi. Kecekapan sektor awam akan terus diperkukuh melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bertujuan menyelaras proses birokrasi dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Semakan semula perundangan dan kawal selia akan dibuat untuk menggalakkan keusahawanan dan menambah baik profil pengambilan risiko sektor swasta.

Pelaksanaan inisiatif kerjasama awam swasta (PPP) bernilai RM62.7 bilion akan menjadi komponen utama usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui

penyertaan sektor swasta. Antara projek besar yang akan dilaksanakan di bawah PPP, termasuklah tujuh lebuh raya bertol, lima kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM), pembangunan semula Kompleks Angkasapuri Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Media, Terminal Pengangkutan Bersepadu di Gombak dan penswastaan Penang Port Sdn. Bhd.

Mengekalkan Pertumbuhan Penggunaan Swasta

Sejak tahun 2003, pertumbuhan permintaan dalam negeri telah didorong terutamanya oleh penggunaan swasta yang mengatasi pertumbuhan keseluruhan ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan, penggunaan swasta dijangka mencatatkan pertumbuhan mampan sebanyak 7.7% setahun, berikutan jangkauan pendapatan yang lebih tinggi serta prospek pekerjaan yang lebih baik. Sehubungan ini,



sumbangan penggunaan swasta kepada KDNK dijangka meningkat daripada 53.6% pada tahun 2010 kepada 58.0% pada tahun 2015, secara umumnya sebanding dengan ekonomi negara maju, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-9*.

Mempelbagai Pasaran Eksport


Keterbukaan ekonomi Malaysia dan tahap integrasi yang kukuh dengan rangkaian bekalan global merupakan sumber utama kepada kekuatan ekonomi negara. Pada masa hadapan perdagangan antarabangsa akan terus menjadi pendorong ke arah mencapai pertumbuhan tinggi. Sehubungan ini, eksport disasar berkembang

sebanyak 10.6% setahun, terutamanya keluaran pembuatan yang berkembang sebanyak 10.8% setahun dan menyumbang 78.8% daripada jumlah eksport pada tahun 2015. Eksport sektor pertanian disasar berkembang sebanyak 11.0% setahun dan perlombongan sebanyak 9.4% setahun, sebahagian besarnya didorong oleh harga eksport yang lebih tinggi.

Import dijangka berkembang pada kadar 12.5% setahun dengan barangan pengantara dan barangan modal menyumbang sebanyak 83.7% daripada jumlah import. Import barangan pengguna juga disasarkan meningkat, iaitu pada kadar 11.5% setahun. Dengan mengambil

Carta 2-9

Perbandingan penggunaan swasta di negara terpilih



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan *Economist Intelligence Unit*

kira kadar pertumbuhan eksport dan import, imbalan dagangan dijangka terus kukuh dalam tempoh Rancangan dengan lebih dagangan sebanyak RM142.4 bilion pada tahun 2015.

Berdasarkan jumlah dagangan barangan dan perkhidmatan melebihi 180% kepada KDNK dalam tempoh RMKe-9, Malaysia perlu mempelbagaikan struktur perdagangan luar untuk meningkatkan daya tahan negara daripada kejutan sektor luar. Sehubungan ini, usaha perlu diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional dan menggandakan usaha untuk menembusi pasaran baru muncul di Asia dan Negara-negara Teluk. China dan India, kini muncul sebagai kuasa baru ekonomi dunia

dengan kedua-duanya menyumbang sebanyak 9.3% kepada KDNK dunia pada tahun 2008, meningkat sekali ganda sejak 1980. Walaupun Malaysia telah mencapai banyak kemajuan untuk mempelbagai pasaran eksport dengan peratusan eksport ke negara membangun dan ekonomi baru muncul meningkat daripada 18.3% daripada jumlah eksport dalam tahun 2000 kepada 37.7% dalam tahun 2009, usaha akan dipergiat bagi mengukuhkan lagi tren ini.

Mengekalkan Lebih Imbalan Pembayaran

Kedudukan akaun luar negara dijangka kekal kukuh dengan keseluruhan imbalan pembayaran

Jadual 2-2 Imbalan Pembayaran, 2010 dan 2015

<i>Perkara</i>	<i>RM bilion</i>	
	<i>Anggaran</i>	<i>Sasaran</i>
	<i>2010</i>	<i>2015</i>
Barangan	145.0	169.3
Eksport	628.0	1,038.5
Import	483.0	869.2
Perkhidmatan	1.3	6.8
Pengangkutan	-19.4	-21.0
Perjalanan	31.8	40.0
Lain-lain	-11.1	-12.2
Pendapatan	-19.9	-33.1
Akaun Semasa	109.2	121.7
% kepada PNK	14.6	10.5

SUMBER: Unit Perancang Ekonomi


dijangka terus mampan dengan lebih akaun semasa sebanyak 10.5% kepada PNK pada tahun 2015. Akaun barangan dijangka mencatatkan lebih sebanyak RM169.3 bilion sementara akaun perkhidmatan dianggar mencatatkan lebih kepada RM6.8 bilion pada tahun 2015 berbanding RM1.3 bilion pada tahun 2010, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 2-2*. Lebih dalam akaun perkhidmatan ini akan disumbang terutamanya oleh terimaan bersih perjalanan yang lebih tinggi dan peningkatan eksport perkhidmatan seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan penyumberan luar.

Mencapai Sasaran Mengikut Sektor

Pertumbuhan ekonomi akan memanfaatkan kekuatan dan daya saing negara untuk membangunkan sumber pertumbuhan baru seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan ICT. Terdapat juga peluang untuk menghasilkan produk dengan nilai ditambah lebih tinggi dalam subsektor perkhidmatan dan pembuatan sedia ada serta dalam sektor industri hiliran berasaskan sumber. Sumber pertumbuhan baru ini akan bergantung kepada inovasi dan penggunaan teknologi di samping modal insan yang mahir.

Carta 2-10

Pertumbuhan mengikut sektor diteraju oleh sektor perkhidmatan



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi

Sektor perkhidmatan dijangka kekal menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan, dipacu terutamanya oleh pengembangan dalam subsektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta pengangkutan dan komunikasi, seperti, ditunjukkan dalam *Carta 2-10*. Sektor pembuatan dijangka mengalami pertumbuhan pesat disumbang terutamanya oleh nilai ditambah yang lebih tinggi dalam subsektor E&E. Sektor pembinaan, pertanian dan perlombongan juga dijangka mencapai pertumbuhan positif dalam tempoh Rancangan.




Meningkatkan Kecekapan Dasar Fiskal

Kerajaan akan terus menambah baik pengurusan fiskal dengan mengutamakan nilai untuk wang dalam perbelanjaan Kerajaan dan memperluas asas hasil, terutamanya melalui sistem cukai yang mempunyai asas lebih luas. Dengan itu, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan disasar

Carta 2-11

Mengurangkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

berkurang daripada 5.3% daripada KDNK pada 2010 kepada 2.8% pada 2015, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-11*. Seterusnya, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berkurang daripada 52.9% kepada KDNK pada tahun 2010 kepada 49.9% pada tahun 2015, seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-12*.


Jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk RMKe-10 berjumlah RM230 bilion. Daripada jumlah ini, RM126.5 bilion atau 55% diperuntukkan kepada sektor ekonomi, RM69.0 bilion atau 30% kepada sektor sosial, RM23.0 bilion atau 10% bagi sektor keselamatan

dan RM11.5 bilion atau 5% bagi pentadbiran am. Peruntukan ini termasuk Dana Fasilitasi sebanyak RM20 bilion bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam bidang utama yang strategik termasuk infrastruktur, pendidikan dan kesihatan.

Kerajaan akan memperkenalkan *two-year rolling plan* bagi memberi ruang yang lebih fleksibel dalam membuat penyelarasan perbelanjaan, terutamanya apabila terdapat keperluan untuk bertindak balas kepada perubahan persekitaran ekonomi global. Sejumlah RM91 bilion akan diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan di bawah *rolling plan* pertama untuk tempoh 2011-2012.

Carta 2-12

Ke arah kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan yang mampan



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

Perbelanjaan pembangunan akan menjadi instrumen penting untuk menyokong peralihan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang akan bergantung kepada penggunaan modal intelek, kemahiran, inovasi dan teknologi yang lebih tinggi. Oleh itu, perbelanjaan pembangunan akan diutamakan kepada program bukan fizikal yang peruntukannya akan ditingkatkan daripada 22% dalam RMKe-9 kepada 40% dalam RMKe-10.




MELANGKAH KE HADAPAN

Ketika Malaysia menghadapi cabaran besar untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, negara dapat dibangunkan berdasarkan kekuatan yang dimiliki daripada segi asas sumber, infrastruktur yang baik dan ketekunan tenaga kerja dalam memacu negara ke hadapan. Sehubungan itu, RMKe-10 menyediakan rangka kerja dasar dan strategi bagi mencapai status sebuah negara maju menjelang 2020. Seperti ditunjukkan dalam *Carta 2-13*, Rancangan ini juga dilakar berkonsepkan 1Malaysia dan dibina berasaskan GTP dan Model Baru Ekonomi (MBE) yang menggariskan dasar dan strategi baru.

Konsep 1Malaysia berhasrat untuk mengukuhkan perpaduan negara yang penting bagi mengekalkan kestabilan sosial dan politik - satu prasyarat untuk Malaysia kekal sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan yang menarik. Amalan menghormati perbezaan nilai pelbagai masyarakat akan membantu rakyat menghargai perbezaan tersebut sebagai aset. Konsep ini mengharapkan rakyat Malaysia bergerak melangkaui toleransi untuk menerima dan akhirnya berbangga dengan kepelbagaian etnik, agama, budaya dan kepercayaan. Prinsip keadilan akan menjadi teras kepada konsep ini. Di bawah konsep ini, semua

Carta 2-13

RMKe-10 akan menggembeng usaha untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi



rakyat Malaysia akan diberi perhatian dengan tumpuan khusus kepada golongan kurang mendapat manfaat.

GTP diperkenal pada tahun 2010 untuk mentransformasikan Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam sistem penyampaian perkhidmatannya serta bertanggungjawab ke atas *outcome*. MBE telah menggariskan Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) dalam memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan inklusif. RMKe-10 telah mengambil kira kebanyakan strategi baru pertumbuhan ekonomi di bawah MBE dan IPS yang berkaitan. RMKe-10 juga menggabungkan enam NKRA dan mengemas kini kemajuan pelaksanaan sistem penyampaian kerajaan sejak GTP dilancarkan.

Membangun berasaskan kekuatan dan kejayaan yang lalu, Malaysia kini berada dalam kedudukan yang kukuh untuk menggerakkan negara ke arah status negara berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, cabaran utama bagi mencapai status ini, ia memerlukan pendekatan pelbagai sudut yang berkesan bagi menangani isu struktural negara. Dalam tempoh lima tahun akan datang, RMKe-10 akan menjadi satu wadah bagi melonjakkan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. RMKe-10 akan memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama seperti berikut:

- Mewujudkan persekitaran untuk menjayakan pertumbuhan ekonomi. Langkah ini menjadi tonggak kepada RMKe-10, dengan memperincikan strategi untuk mewujudkan persekitaran yang mendorong pertumbuhan ekonomi yang diterajui sektor swasta;
- Menuju ke arah pembangunan sosioekonomi secara inklusif. Langkah bagi memastikan pendapatan dan kekayaan diagihkan secara saksama bagi mengurangkan ketidaksamaan. Objektifnya adalah untuk membina masyarakat yang lebih inklusif;
- Membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Langkah ini menjadi faktor utama bagi menggalakkan produktiviti dan pertumbuhan yang diteraju inovasi. Tumpuan utama adalah strategi untuk membangun, menarik dan mengekalkan bakat berkualiti;
- Mewujudkan persekitaran ke arah meningkatkan kualiti hidup. Pertumbuhan ekonomi akan diperengkap dengan strategi untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat yang sepadan dengan status negara berpendapatan tinggi; dan
- Mentransformasikan Kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia. Peranan Kerajaan akan berubah menjadi pemudah cara yang efektif dalam mentransformasikan ekonomi dan menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

